

# Konsep *Kulliye* pada Zaman Uthmaniyyah

**BITARA**Volume 4, Issue 1, 2021: 001-008  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Concept of *Kulliye* of Ottoman Times]

Nur Fadillah Mohamed Fadzil<sup>1</sup> & Roziah Sidik @ Mat Sidek<sup>1,2</sup>

### Abstrak

*Kulliye* adalah sebuah kompleks yang berfungsi sebagai pusat keagamaan, pendidikan, sosial dan budaya bagi masyarakat setempat. Selain itu, *kulliye* juga berperanan dalam membentuk masyarakat yang mentauhidkan Allah dan melaksanakan syariat Islam. Kebiasaannya, *kulliye* ini dibina oleh Sultan, isteri-isteri Sultan atau pembesar kerajaan untuk penempatan peribadi mereka di samping berfungsi sebagai tempat kebajikan untuk masyarakat setempat. *Kulliye* ini berkembang maju pada zaman Uthmaniyyah. Sebuah *kulliye* yang lengkap dan sempurna mempunyai sebuah masjid jami', madrasah, *imaret* atau dapur, hospital, sekolah untuk anak-anak (*mektab*), tempat mandi, air pancut dan muzium. Artikel ini mengkaji konsep *kulliye* yang terdapat dalam kerajaan Uthmaniyyah. Ia menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan metode kajian sejarah dan analisis kandungan. Data yang diperoleh pula dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati *kulliye* berfungsi sebagai sebuah pusat yang merangkumi komponen keagamaan, pendidikan, sosial dan komersial. Pembinaannya pula dibahagikan kepada dua jenis iaitu *kulliye* berbentuk perbandaran moden dan *kulliye* berbentuk pedalaman atau kedesasaan.

### Kata kunci:

Kulliye, Uthmaniyyah, Perbandaran Islam.

### Abstract

Abstract: *Kulliye* is a complex of buildings which functions as a religious, educational, social and cultural center for a local community. In addition, it also plays a role in shaping a community based on monotheistic belief in a single, all-powerful God, namely, Allah, and implementation of Islamic Shariah. A *kulliye* was usually founded by the Sultan, his wives or high-ranking administrative officials as a charitable foundation or endowment in addition to its function as a centre of charitable services for the local community. These *kulliye* thrived during the Ottoman times. A *kulliye* is complete and fully equipped with a mosque, madrasah (religious school), *imaret* or public kitchen, hospital, children's school (*mektab*), public bath, water fountain and museum. This article studies the concept of *kulliye* found in the Ottoman dominion. A qualitative approach is adopted by applying the methods of historical study and document analysis. Data obtained was descriptively analysed. Research results found that the *kulliye* functioned as a centre which encompassed religious, educational, social and commercial components. Two types of *kulliye* were formed, namely, modern city and rural *kulliye*.

### Keywords:

Kulliye, Ottoman, Islamic city.

### Cite This Article:

Nur Fadillah Mohamed Fadzil & Roziah Sidik @ Mat Sidek. 2021. Konsep *kulliye* pada zaman Uthmaniyyah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 001-008.

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Corresponding Author:

ROZIAH SIDIK @ MAT SIDEK, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mail: roziah@ukm.edu.my


## Pengenalan

*Kulliye* ialah satu institusi pada zaman Uthmaniyyah yang menempatkan pelbagai perkhidmatan berkaitan keagamaan, pendidikan, sosial dan komersial. Perkhidmatan ini dikumpulkan di sekitar masjid. Konsep *kulliye* diasaskan kepada fungsi masjid pada awal era pemerintahan Islam iaitu satu bangunan menempatkan tempat solat dan pengajaran serta berfungsi sebagai tempat penginapan. Masjid dan aktiviti sekitarnya menjadi pusat kepada masyarakat Muslim. Ketika era Uthmaniyyah pula pusat-pusat yang lebih lengkap dibina sebagai projek yang komprehensif. Kemungkinan inilah punca setiap pusat ini dikenali sebagai *kulliye* yang secara literalnya membawa maksud keseluruhan.

Dari segi istilah, *kulliye* menurut Kuran (1968) merujuk kepada kompleks bangunan sahaja tanpa menyatakan perincian. Menurut Aslapana (1971) pula, *kulliye* merujuk kepada kompleks yang biasanya terdiri daripada masjid, satu atau lebih madrasah, hospital, *khan*, pasar tertutup, makam, rumah inap dan *imaret*. Manakala Goodwin (1980) pula menyebutnya sebagai kompleks bangunan dengan pelbagai tujuan dan berpusat di sekitar masjid.

Pada era Uthmaniyyah, kemudahan yang terdapat di *kulliye* boleh di bahagikan kepada lima komponen penting iaitu keagamaan, pendidikan, sosial, komersil dan ruangan peribadi sultan dan pembesar negara (H. Gokcen Akgun, 2008). Bagi komponen keagamaan, ia dikaitkan dengan masjid iaitu tempat ibadah bagi orang Islam. Dalam konteks *kulliye*, masjid menjadi pusat utama. Ia terletak di tengah-tengah *kulliye*. Kebiasaannya masjid dikelilingi oleh pasar (*Suq*). Sebagai contoh, *Orhan Gazi Kulliye* yang mengandungi masjid yang turut digunakan untuk solat Jumaat. Di sebelah masjid juga terdapat madrasah yang mengajarkan ilmu agama Islam dan juga ilmu sains.

Bagi komponen pendidikan pula, ia turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan *kulliye*. Hampir semua pembinaan *kulliye* di dalam kerajaan Uthmaniyyah mempunyai madrasah. Di antara contoh madrasah yang dibina di dalam *kulliye* adalah *Yesi Cami Kulliye*, *Muradiye Kulliye*, *Yeldrim Beyazit Cami Kulliye* dan *Hudavendigar Camii Kulliye*. Terdapat beberapa nama khas bagi madrasah dan sekolah yang digunakan dalam kerajaan Uthmaniyyah. Antaranya ialah madrasah, *mektap*, *dar al-qurra*, *dar al-tib*, *dar al-hadith* dan *dar al-kutub*. Setiap madrasah ini mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. Bagi madrasah, ia merupakan sebuah institusi yang mengajarkan ilmu-ilmu keagamaan, seperti ilmu ulum al-Qur'an, hadith, fiqh, tauhid dan tasawuf. Bagi *mektap* pula, ia merupakan sekolah rendah yang disediakan untuk anak-anak yang berumur 6-13 tahun dan diajar al-Quran. Bagi *dar al-qurra* pula, ia merupakan sekolah yang mengajarkan ilmu yang berkaitan al-Quran. Selain itu, *dar al-tib* pula merupakan sekolah yang mengajarkan ilmu berkaitan bidang perubatan. *Dar al-hadith* pula merupakan sekolah yang mengajarkan ilmu yang berkaitan dengan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Manakala *dar al-kutub* pula merupakan sebuah perpustakaan yang menempatkan pelbagai jenis buku sebagai rujukan kepada masyarakat. Rajah 1 merupakan sebuah contoh *kulliye* yang mengandungi madrasah, *dar al-hadith* dan *dar al-qurra*.




Rajah 1: Sulaimaniye Kulliye

Bagi komponen sosial pula, antara binaan yang dikategorikan dalam komponen ini ialah *imaret* atau *dar al-it'am* (tempat menyediakan makanan kepada para musafir dan orang miskin yang memerlukan). Turut termasuk dalam komponen ini ialah *tabhane* (rumah tumpangan yang menyediakan tempat penginapan bagi para musafir), *take* atau *zawiyah* (tempat yang disediakan bagi para ahli sufi atau juga dikenali sebagai pondok bagi penempatan para ahli sufi untuk menuntut ilmu dan mendekatkan diri mereka kepada Allah), *hammam* (tempat mandi yang disediakan bagi kemudahan masyarakat awam), *mehkeme* (mahkamah awam yang disediakan bagi membantu masyarakat dalam sesuatu permasalahan), *sebil* (air pancut yang disediakan untuk kemudahan air minuman percuma kepada para musafir dan masyarakat) dan *darus-sifa* (kemudahan hospital yang disediakan untuk orang awam dan musafir).

Selain itu, bagi komponen komersial pula, ia meliputi *bazaar* atau kedai barangan yang disediakan di dalam *kulliye*. Kebiasaannya, *bazaar* terletak bersebelahan dengan masjid jami' dan memberikan kemudahan dengan menyediakan pelbagai keperluan barangan bagi penduduk di dalam dan di luar *kulliye*. Pasar-pasar terletak sejajar dengan jalan-jalan utama yang menghala ke masjid jami' atau ke pusat pentadbiran kerajaan. Kedudukan mereka terpisah antara satu sama lain mengikut jenis barangan jualan mereka. Satu lagi yang termasuk dalam komponen komersial ialah *arasta* yang merupakan pasar terbuka dan tertutup di sepanjang jalan sekitar kawasan masjid.

Manakala bagi komponen ruang peribadi sultan dan pembesar negara pula ia merupakan satu kawasan larangan. Di situ juga terdapat pejabat pentadbiran kerajaan, kawasan penempatan tentera dan juga pasukan pengawal diraja. Selain itu juga, terdapat kawasan permakaman bagi sultan dan ahli keluarganya.



Rajah 2: Translisisi kemudahan yang terdapat di *kulliyeh* kepada kontemporari

## Kulliyeh pada zaman Uthmaniyyah

Pembinaan masjid memainkan peranan yang besar dalam pembinaan dan perkembangan *kulliyeh* dalam pemerintahan Uthmaniyyah. Pada kurun ke-14 dan kurun ke-15 Masihi, pembinaan masjid sangat ringkas. Inilah yang dijelaskan oleh John Freely (2011), dalam bukunya *History of Ottoman Architecture*: “The earliest Ottoman mosques were of the simplest plan, an oblong room covered by a filed pitched roof or an interior wooden dome, though most of the domes were destroyed by fires and replaced by flat ceiling”. Pembinaan masjid pada zaman itu terbahagi kepada tiga fasa utama (Freely, 2011). Fasa pertama ialah pembinaan masjid menggunakan satu dome yang diletakkan di hadapan mihrab. Antara contoh masjid yang dibina pada fasa satu ialah Ulucami di Bursa. Fasa kedua pula menyaksikan masjid yang dibina dengan dome yang didirikan di tengah-tengah dewan solat. Contoh masjid yang dibina pada fasa kedua ialah Uc Serefeli Cami yang terletak di Edirne. Pembinaan masjid fasa ketiga pula mempunyai dewan solat yang besar dan terdapat ruangan-ruangan kecil di sekitar dewan solat. Contoh masjid yang dibina pada fasa ini ialah Masjid Beyazit di Istanbul.

Sesuai dengan pembinaan masjid yang berperingkat, pembinaan *kulliyeh* juga dibina secara berperingkat dan dibina mengikut fungsi utama *kulliyeh* tersebut. Pada abad ke-14 Masihi, pembinaan *kulliyeh* terdiri daripada tiga komponen utama iaitu masjid, madrasah dan *imaret* (Kuran, 1971). Pada abad ke-16 Masihi, pembinaan *kulliyeh* mengalami perkembangan yang besar. Terdapat pelbagai kemudahan yang dibina untuk dimanfaatkan oleh masyarakat setempat termasuk *tabhane*, karavanserai, *imaret* dan *hammam*.

Secara keseluruhannya, terdapat hampir 20 buah *kulliyeh* dibangunkan ketika pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah. Jadual 1 menunjukkan senarai beberapa buah *kulliyeh* pada zaman tersebut:

Jadual 1: Senarai kulliye

Bil	Nama <i>kulliye</i>	Tahun	Pemerintahan	Catatan
1	Batal Gazi Kulliye	1208	Sultan Bayezid II	Mengandungi masjid, madrasah, <i>imaret</i> dan <i>tabhane</i>
2	Orhan Kulliye	1339	Sultan Orhan Gazi	Mengandungi masjid, madrasah, <i>imaret</i> , sebuah penginapan, rumah mandi dan sekolah, masjid Orhan dan juga perpustakaan
3	Hudavendigar Kulliye	1365-1385	Sultan Murad	Mengandungi sebuah madrasah, <i>zawiyah darwis</i> (pondok), makam, air pancut, <i>imaret</i> , <i>hammam</i> dan sekolah rendah untuk anak-anak lelaki
4	Beyazid Kulliye	1390-1395	Sultan Beyazid 1	Mengandungi masjid, madrasah, perpustakaan, dewan dan kedai atau pasar di tingkat dua bangunan ini
5	Muradiye Kulliye	1426-1428	Sultan Murad	Mengandungi masjid, <i>zawiyah</i> , madrasah, <i>imaret</i> , <i>hammam</i> dan <i>khan</i>
6	Fatih Kulliye	1463-1470	Sultan Muhammad Al-Fatih	Mengandungi masjid, madrasah, <i>mektab</i> , <i>dar al-hadith</i> , karavanserai, hospital, taman, muzium dan perpustakaan
8	Kompleks Beyazid II	1485-1486	Sultan Beyazid	Mengandungi masjid, madrasah, <i>imaret</i> , <i>mekteb</i> , <i>dar al-qurra</i> , karavanserai, <i>hammam</i> dan muzium
9	Suleymaniye Kulliye	1550-57	Sultan Sulaiman	Mengandungi masjid, musolla, empat madrasah awam, dua madrasah khas ( <i>dar al-hadith</i> dan sekolah perubatan), sekolah quran, hospital, dapur awam, rumah tumpangan, tempat mandi, karavanserai, air pancut dan bazar
10	Sokullu Mehmet Pasha kulliye	1571-72	Sokullu Mehmet Pasha	Mengandungi masjid, madrasah dan <i>zawiyah</i>
11	Zal Mahmut Pasha Kulliye	1572-1580	Sah Sultan (anak perempuan Sultan Selim ii)	Mengandungi masjid, madrasah, muzium dan air pancut
12	Semsi Pasha Kulliye	1580	Wazir Semsi Pasha	Mengandungi masjid, madrasah dan muzium
13	Mihrimah Sultan Kulliye	1547	Sultanah Mihrimah	Mengandungi masjid, madrasah, muzium, <i>dar al-qurra</i> , dapur dan hostel
14	Ali Pasha Kulliye	1578-83	Wazir Ali Pasha	Mengandungi masjid, madrasah, muzium dan air pancut



15	Rustem Kulliye	Pasha	1561-62	Suami Mihrimah Sultan	Mengandungi masjid dan <i>khan</i>
16	Atik Kulliye	Valide	1577-83	Nurbanu Valid (Isteri Sultan Salim II)	Mengandungi masjid, madrasah, dapur awam, hostel, hospital, karavanserai, <i>dar al-hadith</i> dan <i>dar al-qurra</i> .

Sumber: Norfadilah 2020

## Morfologi *Kulliye* pada zaman Uthmaniyyah


Pembinaan *Kulliye* pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu *kulliye* berbentuk perbandaran moden (*urban kulliye*) dan *kulliye* berbentuk pedalaman atau kedesaan (*countryside kulliye*) (Peker, 2007). *Kulliye* berbentuk perbandaran moden lazimnya dibina di kawasan bandar utama. Objektif utama pembinaannya adalah untuk memberi kemudahan dalam bidang pendidikan. Antara contoh *kulliye* ini adalah *Fatih Kulliye* yang terletak di Istanbul. Ia mengandungi lapan madrasah dengan setiap madrasah mempunyai 19 bilik darjah. Selain itu, Terdapat tiga *annex* atau dewan besar yang boleh menempatkan sebanyak 255 bilik darjah dan setiap bilik darjah dapat menempatkan 4 orang pelajar. Secara keseluruhannya, *Fatih kulliye* dapat menampung seramai 1000 orang pelajar pada satu-satu masa.



Rajah 3: Fatih Kulliye 1

*Kulliye* yang kedua pula ialah *kulliye* berbentuk kedesaan (*countryside kulliye*). Objektif utama pembinaan *kulliye* di kawasan desa atau perkampungan adalah untuk memberi kemudahan kepada para musafir mencari tempat beristirahat. Antara contoh *kulliye* yang dibina di kawasan ini ialah *Amasya Kulliye, Amasya Turkey*. Rajah 4, menunjukkan pelan sebuah

*imaret* yang terletak di dalam *Amasya Kulliye*. *Imaret* ini berfungsi sebagai *soup kitchen* yang menyediakan makanan percuma kepada para musafir dan juga orang miskin.



Rajah 4: Imaret dalam Amasya Kulliye 3

Manakala Rajah 5 pula merupakan gambaran *Amasya Kulliye* yang dibina di kawasan pendalaman dan berdekatan dengan kawasan penduduk setempat. *Kulliye* jenis ini dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat seperti penyediaan makanan percuma atau hostel untuk para musafir.



Rajah 5: Amasya Kulliye 4

## Kesimpulan

Pembinaan *kulliye* memainkan peranan yang penting dalam pelbagai aspek. Ia tidak hanya menyumbang kepada sudut pembangunan perbandaran, tetapi juga aspek seni bina. Dalam masa yang sama ia juga menyumbang secara signifikan kepada integrasi antara nilai kerohanian dan sosial. Nilai kerohanian dilihat dari sudut pembinaan masjid yang lebih tertumpu kepada aspek keagamaan. Namun, perkembangan sejarah dan tamadun Islam menunjukkan masjid tidak hanya dibangunkan untuk fungsi keagamaan semata-mata bahkan juga turut digunakan dalam aspek lain termasuk politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, fungsi sosial juga turut disumbang oleh pembinaan madrasah, hospital, karavanserai dan lain-lain.

## Rujukan

- Ahmad Zaki Abd Latiff. 2011. *Perbandaran di Timur Tengah Kesannya Terhadap masyarakat Islam Abad I-III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aslapana, Oktay. 1971. *Turkish Art and Architecture*. London: Faber and Faber Limited.
- Eyice, S. 1998. Hudavendiger Kulliye. Turkiye Diyanet Vakif, *Islam Anskilopedisi*.
- Freely, J. 2011. *A History of Ottoman Architecture*. Turkey: Bosphorus University.
- Goodwin, Godfrey. 1980. Kulliye. Dalam *Encyclopaedia of Islam*. New Edition. Vol. 5. Leiden: E.J.Brill.
- H. Gokcen Akgun, A.T. 2008. Determination and analysis of site selection factors for kulliyes of architect Sinan with Respect to the locations in the Ottoman city of Istanbul. *Science Direct, Building and Environment*.
- Kuran, Aptullah. 1968. *The Mosque in Early Ottoman Architecture*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kuran, A. 1996. A Spatial Study of Three Ottoman Capitals: Bursa, Edirne, and Istanbul. *Muqarnas*. Vol. 13. Leiden: E.J. Brill. p. 114-131.
- Peker, A.U. 2007. *Amasya Sultan II, Beyazid Kulliye*. Turkey: Tasarim Merkez Dergi.
- Sinmaz,S. 2015. The Urbanization of Ottoman civilization and social life centres: Kulliyes (Islamic- Ottoman Social Complexes) and Spatial Features. In *Turkey at the Beginning of 21<sup>st</sup> century: Past and Present*. Turkey: St. Kliment Ohridski Universiti Press.